**SIDIK BIN MAT TAN & 1 LAGI**

**lwn.**

**PENDAKWA RAYA**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
DATO' MOHD GHAZALI BIN MOHD YUSOFF PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-82-92]
11 APRIL 1994

***UNDANG-UNDANG JENAYAH: Menerima suapan secara rasuah - Elemen - Samada dibuktikan - Tertuduh aggota sukarelawan polis - Samada tertuduh agen Kerajaan Malaysia - Akta Pencegah Rasuah 1961 s. 4(a).***

***UNDANG-UNDANG JENAYAH: Menerima suapan secara rasuah - Wang suapan dijumpai di dalam buku di atas motosikal tertuduh - Unsur penerimaan suapan - Samada terbukti - Wang suapan dihulurkan oleh saksi perangkap - Samada saksi perangkap rakan sejenayah.***

***PERKATAAN & ISTILAH: "agen" - Akta Pencegah Rasuah 1961 s. 4(a).***

Kedua-dua perayu adalah anggota sukarelawan polis dan telah dituduh di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta) atas kesalahan menerima suapan sebanyak RM20 dengan secara rasuah dimana kedua-dua mereka didapati bersalah, disabitkan dan dihukum masing-masing satu hari penjara dan denda RM2000 serta diperintahkan membayar penalti sebanyak RM20.

Fakta kes menunjukkan bahawa kedua-dua perayu walaupun telah beberapa kali dimobilisasikan sebagai anggota sukarelawan polis, tidak pernah membaca ikrar "declaration of office" sepertimana yang dikehendakki oleh s. 39 Akta Polis 1967. Fakta juga menunjukkan bahawa ketika kedua-dua perayu ditangkap oleh SP4 dan SP9, iaitu pegawai dari Badan Pencegah Rasuah (BPR), wang sebanyak RM20 yang dikatakan sebagai wang suapan itu tidak didapati dari badan perayu tetapi dari dalam sebuah buku yang terletak di atas motosikal milik perayu kedua. Wang tersebut telah diletakkan disitu oleh SP1, seorang saksi perangkap, atas arahan perayu kedua. Di hadapan Yang Arif Hakim persoalan penting yang timbul ialah:

(1) Samada kedua-dua perayu adalah "agen" seperti dimaksudkan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961.

(2) Samada SP1, dalam halkeadaan kes ini, adalah seorang rakan sejenayah kepada kedua-dua perayu.

(3) Samada, mengambilkira bahawa wang RM20 yang berkenaan dijumpai didalam buku dan tidak dari badan perayu, unsur penerimaan suapan telah dibuktikan terhadap perayu, dan dengan itu, samada timbul anggapan statutori di bawah s. 14 Akta.

**Diputuskan:**
**[1]** Kegagalan seseorang polis sukarelawan membuat deklarasi seperti yang diperuntukkan dalam s. 39 Akta Polis 1967 tidak menjejaskan perlantikannya. Deklarasi yang dikehendakki dibuat oleh seksyen ini hanyalah suatu ikrar bagi

memperingatkan orang itu supaya menjalankan tugas-tugasnya dengan tekun. Ianya bukanlah satu peruntukan penal dan peninggalannya tidak menjadi satu kesalahan.

**[2]** Seksyen 2 Akta mentafsirkan "agen" sebagai seseorang yang digunakhidmat oleh atau bertindak untuk orang lain dan tafsiran ini termasuk seseorang yang berkhidmat dengan "badan awam" yang ditafsirkan sebagai termasuk Kerajaan Malaysia. Seterusnya s. 2 juga mentafsirkan "pegawai awam" sebagai seseorang yang bekerja secara tetap atau sementara dengan sesuatu badan awam dan "prinsipal" ditafsirkan termasuklah seseorang majikan. Menurut Perkara 132(1)(d) Perlembagaan Persekutuan perkhidmatan awam adalah termasuk pasukan polis. Disamping itu menurut Bahagian VIII Akta Polis 1967 seseorang pegawai polis sukarelawan, apabila dimobilisasikan akan diberi gaji dan elaun. Peruntukan- peruntukan yang didapati di dalam bahagian ini menunjukkan mereka berkhidmat secara sukarela dan oleh itu boleh dianggap sebagai pekerja sementara apabila dimobilisasikan. Dengan hal yang demikian adalah jelas bahawa kedua-dua perayu di sini jatuh di bawah tafsiran "pegawai awam" dan dengan itu, selaku pegawai polis sukarelawan, mereka adalah "agen" yang bertindak bagi pihak prinsipalnya, iaitu Kerajaan Malaysia.

**[3]** SP1 telah bertindak atas arahan seorang pegawai BPR apabila beliau berjumpa semula kedua-dua perayu dan telah meletakkan wang suapan itu ke dalam buku berkenaan atas arahan perayu kedua. Dalam keadaan ini, dan menurut bukti yang ada, Mahkamah ini sependapat dengan Hakim Sesyen bahawa SP1 bukan rakan sejenayah. SP1 tidak mengambil bahagian secara aktif dan beliau tidak pernah mencadangkan kepada kedua-dua perayu bahawa beliau bersedia memberi suapan bagi mengelak tindakan kesalahan lalulintas diambil terhadapnya. Beliau hanya merayu kepada kedua-dua perayu. Tindakan beliau memberi wang berkenaan hanyalah selaku saksi perangkap.

**[4]** Hujah perayu bahawa tidak ada unsur penerimaan suapan dalam kes ini tidak mempunyai merit. Dalam kes ini keterangan SP1 dan SP8 jelas menunjukkan bahawa kedua-dua perayu bersetuju menerima suapan dan telah mengarahkan SP1 meletakkan wang itu ke dalam buku yang berada di atas motosikal milik perayu kedua. Keterangan ini disokong oleh keterangan SP4 dan SP9 apabila wang perangkap berjumlah RM20 dikesan dalam buku berkenaan. Pemeriksaan balas Peguam perayu ke atas kedua-dua saksi sekali-kali tidak melemahkan keterangan ini. Pertikaian pihak perayu mengenai perkara ini adalah tidak berasas.

*[Rayuan ditolak. Sabitan dan hukuman dikekalkan].*

**Kes-Kes yang dirujuk:**

*Sherifa Shaika v. Haughton [1889] 4 Ky 533* ***(dirujuk)***
*R. v. Ong Chwee Hoh & Anor. [1933] MLJ 39; [1933] SSLR 276* ***(dirujuk)***
*Yap Sing Hock & Anor. v. PP [1991] 2 CLJ 1410/[1992] 2 MLJ* ***(dibezakan)***
*Dean v. Hiesler [1942] 2 All ER 340* ***(dibezakan)***
*Mohamed Taufik v. PP [1975] 1 MLJ 36* ***(dirujuk)***
*Ng Kok Lian v. PP [1983] 2 CLJ 247/[1983] 2 MLJ 379* ***(dirujuk)***
*Gan Leong Gee & Anor. v. PP [1969] 2 MLJ 76* ***(dirujuk)***
*Ramly bin Md. Yasin & Ors. v. PP [1982] CLJ 200* ***(dirujuk)***
*Attan bin Abdul Ghani v. PP [1970] 2 MLJ 143* ***(dirujuk)***
*Gurbachan Singh v. PP [1966] 2 MLJ 125* ***(dirujuk)***

**Perundang yang dirujuk:**
Akta Pencegah Rasuah 1961, ss. 2, 4(a), 14, 18
Akta Polis 1967, s. 39, Bahagian VIII
Akta Syarikat 1965
Kanun Acara Jenayah, s. 307(6)
Ordinan Polis 1952, s. 61
Perlembangaan Persekutuan, Perkara 132(1)(d)

**Sumber-Sumber lain yang dirujuk:**
**Mallal's Digest,** Vol. 5 (4th Edn.), m.s. 42, 43

*Bagi pihak perayu pertama dan kedua - Kuthubul Zaman bin Bukhari; T/n. Zaman & Associates*
*Bagi pihak pendakwa raya - Ahmad bin Bache, TPR*

## ALASAN PENGHAKIMAN

**Mohd Ghazali Bin Mohd Yusoff PK:**
Kedua-dua perayu telah didapati bersalah dan disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 2 November 1992 di atas tuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 13 Februari 1990 jam lebih kurang 10.10 malam di persimpangan Jalan Sri Bahagia 10, Taman Sri Bahagia, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor sebagai agen Kerajaan Malaysia iaitu Konstabel Polis Sukarelawan No. 10097 dan 8051 dengan Polis DiRaja Malaysia, telah secara rasuah menerima untuk diri kamu suatu suapan RM20 tunai daripada Ramli bin Omar sebagai satu dorongan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berhubung dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu tidak mengambil tindakan terhadap Ramli bin Omar yang dikatakan melakukan kesalahan menunggang motosikal no. pendaftaran JAY 4079 tanpa lesen memandu yang boleh dihukum di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Undang-undang Malaysia Akta 57)

dan masing-masing telah dijatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM2,000 dan jika ingkar 6 bulan penjara dan diperintah membayar penalti RM20. Kedua-dua perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan.

Keterangan pihak pendakwaan menunjukkan fakta-fakta terkemuka seperti berikut:

Pada 13 Februari 1990 pada jam lebih kurang 9.30 malam, SP1 yang sedang menunggang motosikal No. JAY 4079 telah ditahan oleh tiga anggota polis yang beruniform, iaitu, kedua-dua perayu dan SP2, di persimpangan Jalan Sri Bahagia 10, Taman Sri Bahagia, dalam daerah Johor Bahru. SP1 telah didapati tidak mempunyai lesen memandu dan cukai jalan yang sah bagi motosikal berkenaan. SP1 telah diberitahu ia akan disaman. Apabila disoal selanjutnya oleh kedua-dua perayu, SP1 telah menyatakan ia hendak ke rumah abang angkatnya. Perayu pertama kemudiannya suruh SP1 tinggalkan motosikalnya dan berjalan kaki ke rumah abang angkatnya untuk memanggilnya berjumpa mereka. Disamping itu perayu kedua telah mengambil kad pengenalan SP1.

SP1 kemudian pergi ke rumah abang angkatnya dan telah bertemu dengannya, iaitu, SP3 dan setelah memberitahunya apa yang telah berlaku, SP3 telah mengenalkan SP1 kepada jirannya, SP4 yang berdiam di rumah sebelah. Di rumah SP4, SP1 telah bertemu tetamu-tetamu SP4, iaitu, SP8 dan SP9, dan memaklum kepada mereka tentang kejadian itu. Pada kebetulannya SP4, SP8 dan SP9 adalah pegawai-pegawai daripada Badan Pencegah Rasuah.

Setelah mendengar apa yang telah berlaku SP4 telah meminta SP8 supaya mengiring SP1 dan berlagak sebagai abang angkatnya dan bertanya pegawai polis berkenaan tujuan mereka hendak berjumpanya. SP1 telah diarahkan untuk merayu kepada pihak polis berkenaan supaya saman tidak dikeluarkan dan jika saman dikeluarkan beliau diarah menerimanya. SP1 juga telah diberi 2 keping wang kertas RM10 yang mana nombor bersirinya telah dicatit oleh SP4 untuk diberi kepada pihak polis berkenaan sebagai wang perangkap sekiranya mereka meminta suapan.

Apabila SP1 dan SP8 menemui kedua-dua perayu di persimpangan tersebut mereka telah merayu dan akhirnya kedua-dua perayu bersetuju kesalahan SP1 diselesai dengan suapan berbentuk wang. Atas arahan kedua-dua perayu SP1 telah memasukkan 2 keping wang kertas RM10 tersebut dalam suatu buku yang diletakkan oleh perayu kedua di atas tempat duduk motosikal milik perayu kedua yang dibawa bersama mereka. Berikutnya perayu kedua telah kembalikan kad pengenalan dan kunci motosikal SP1.

Selepas SP1 dan SP8 beredar dari tempat berkenaan SP4 dan SP9 yang sedang membuat pemerhatian secara sulit telah muncul dan mengenalkan diri dan menangkap kedua-dua perayu dan berikutnya membaca amaran seperti diperuntukkan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961. Wang suapan itu telah dijumpa oleh SP9 dalam buku berkenaan dan apabila disoal oleh SP4, perayu kedua telah menjawab wang itu adalah "wang selesai" dan telah merayu kepada SP4 supaya tindakan tidak diambil dan telah berkata "inilah kali pertama dan saya banyak hutang".

Apabila pembelaan dipanggil kedua-dua perayu telah memilih untuk membuat pernyataan dari kandang orang salah dan diakhir kes pembelaan telah didapati salah dan disabitkan.

Walaupun petisyen rayuan pihak perayu mengandungi sembilan (9) alasan, Peguam pihak perayu hanya menumpukan penghujahannya kepada tiga alasan seperti berikut:

(1) Peguam pihak perayu telah berhujah bahawa kedua-dua perayu bukan agen Kerajaan Malaysia kerana perlantikan mereka sebagai anggota polis sukarelawan adalah taksah oleh sebab mereka tidak menandatangani ikrar yang dikehendakki oleh Ordinan Polis 1952 seperti mana didapati di dalam ekshibit-ekshibit P9 dan P10, yang mana adalah rekod perkhidmatan kedua-dua perayu selaku pegawai polis sukarelawan. Disamping itu rekod perkhidmatan ini merujuk kepada Ordinan Polis 1952 walhal semasa kedua-dua perayu dilantik Akta Polis 1967 adalah terpakai kerana Akta ini telah memansuhkan Ordinan Polis 1952.

Saya mendapati pertikaian ini tidak secara spesifik dijadikan alasan didalam petisyen rayuan. Oleh itu adalah jelas alasan ini tidak dapat diberi pertimbangan berdasarkan kepada kepada s. 307(6) Kanun Acara Jenayah yang berbunyi seperti berikut:

> Section 307(6) Every petition of appeal shall state shortly the substance of the judgment appealed against and shall contain definite particulars of the points of law or of fact in regard to which the Court appealed from is alleged to have erred.

Saya juga merujuk kepada dua autoriti seperti dilaporkan di dalam **Mallal's Digest** Vol. 5 (4th edn.) di m.s. 92 dan 43, iaitu kes *Sherifa Shaika v. Haughton* [1889] 4 Ky 533 High Court, Straits Settlements dimana telah diputuskan:

> It is not sufficient in a petition of appeal to state that the appeal is for 'error in point of law or wrong determination of point of law'; the specific ground of appeal should be set forth

dan juga kes *R v. Ong Chwee Hoh & Anor*. [1933] MLJ 39; [1933] SSLR 276, dimana telah diputuskan:

> If it is alleged in a petition of appeal that the conviction is against the weight of evidence, the petition should specify in what way the conviction is against the weight of evidence.

Petisyen pihak perayu tidak secara spesifik membangkitkan alasan ini. Walau bagaimanapun saya telah menyemak kedua-dua Ordinan dan Akta dan mendapati peruntukan berkenaan "Declaration of Office" dan bentuk deklarasi sama ada di bawah Ordinan Polis 1952 (s. 61) atau di bawah Akta Polis 1967 (s. 39) adalah seakan-akan serupa. Ia memperuntukkan bahawa setiap pegawai polis sukarelawan dikehendakki membuat suatu deklarasi sebelum pegawai itu menjalankan tugas-tugasnya. Bentuk deklarasi berkenaan adalah seperti berikut

**Declaration of Office**

> I, (name), do solemnly, sincerely and truly declare that I will well and faithfully serve as ... (appointment) of the Royal Malaysia Police and will obey, uphold and maintain the laws of Malaysia, and that I will execute the powers and duties of my office honestly and and diligently.

Pada pendapat saya kegagalan seseorang pegawai polis sukarelawan membuat deklarasi ini tidak langsung menjejaskan perlantikannya. Seksyen berkenaan memerlukan seorang pegawai polis membuat deklarasi "in such manner as he may declare to be most binding on his conscience". Ianya berbentuk suatu ikrar bagi memperingatkan orang itu supaya menjalankan tugas-tugasnya dengan jujur dan tekun. Ekshibit P9 dan P10 juga menunjukkan kedua-dua perayu telah menjalani latihan sebagai pegawai polis sukarelawan secara berperingkat dan juga telah di mobilisasikan beberapa kali. Isu bahawa ekshibit P9 dan P10 masih merujuk kepada Ordinan Polis 1952 yang dimansuhkan itu tidak menyesatkan pihak perayu dan tidak menjejaskan perlantikan mereka dan oleh itu tidak boleh menjadi asas pertikaian. Disamping itu SP6, iaitu Ketua Polis Daerah bagi daerah Johor Bahru pada masa kejadian berkenaan, telah memberi keterangan yang tidak dicabar bahawa kedua-dua perayu adalah pegawai polis sukarelawan dan PW7, Ketua Balai Polis Larkin, Johor Bahru pada masa itu, telah memberi keterangan yang juga tidak dicabar bahawa kedua-dua perayu adalah anggota polis sukarelawan yang bertugas di Balai Polis Larkin pada masa kejadian.

Pada pendapat saya isu yang penting dalam kes ini adalah sama ada kedua-dua perayu adalah "agen" seperti dimaksudkan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961. Seksyen 4(a) kepada Akta memperuntukkan seseorang agen adalah bersalah atas suatu kesalahan jika ia secara rasuah menerima suapan sebagai dorongan berhubung atau berkaitan dengan urusan prinsipalnya. Seksyen 2 Akta mentafsirkan "agen" sebagai seseorang yang digunakhidmat oleh atau bertindak untuk seorang lain dan tafsiran ini termasuk seseorang yang berkhidmat dengan badan awam dan seksyen ini juga mentafsirkan "badan awam" termasuklah Kerajaaan Malaysia. Seterusnya s. 2 mentafsirkan "pegawai awam" termasuklah seseorang yang bekerja secara tetap atau sementara dengan sesuatu badan awam dan "prinsipal" ditafsirkan termasuklah seseorang majikan. Menurut Perkara 132(1)(d) Perlembagaan Persekutaun perkhidmatan awam termasuk pasukan polis. Disamping itu menurut Bahagian VIII Akta Polis 1967 seorang pegawai polis sukarelawan, apabila di mobilisasikan akan diberi gaji dan elaun. Peruntukan-peruntukan yang didapati di dalam Bahagian VIII ini menunjukkan mereka berkhidmat secara sukarela dan oleh itu boleh dianggap

sebagai pekerja sementara apabila di mobilisasikan. Oleh itu adalah jelas mereka jatuh di bawah tafsiran "pegawai awam" di atas. Pada kesimpulannya kedua-dua perayu selaku pegawai polis sukarelawan adalah "agen" yang bertindak bagi pihak prinsipalnya, iaitu Kerajaan Malaysia dan peninggalan mereka membuat deklarasi tidak menjejaskan langsung perlantikan mereka.

Autoriti-autoriti *Yap Sing Hock & Anor. v. PP* [1992] 2 MLJ dan *Dean v. Hiesler* [1942] 2 All ER 340 yang dirujuk oleh Peguam pihak perayu tidak berkaitan langsung dengan pertikaian ini kerana ianya melibat perlantikan seseorang pengarah syarikat terhad yang mana memerlukan "lodgment of requisite statutory declarations" dan juga borang-borang berkanun di bawah Akta Syarikat. Peruntukan-peruntukan yang terlibat di bawah Akta Syarikat itu adalah "penal provisions" dan akan menjadi satu kesalahan jika tidak dituruti. Peruntukan berkaitan dengan ikrar polis sukarelawan bukanlah satu peruntukan "penal" dan ketinggalannya tidak menjadi satu kesalahan.

(2) Peguam kedua-dua perayu menghujah SP1 adalah rakan sejenayah dan oleh itu keterangannya memerlukan sokongan dan keterangannya juga bercanggah dengan keterangan SP8.

Saya telah membuat kajian pada keseluruhannya dan mendapati Hakim Mahkamah Sesyen telah memberi perhatian yang terperinci kepada keterangan SP1 dan SP8. SP1 adalah pelajar yang berumur 15 tahun pada waktu kejadian. Bukti menunjukkan kedua-dua perayu telah menegaskan mereka akan ambil tindakan terhadapnya kerana melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas. SP1 diberi wang berkenaan oleh SP4 untuk diberi kepada pihak polis sekiranya diminta. SP1 telah bertindak atas arahan seorang pegawai BPR apabila beliau berjumpa semula kedua-dua perayu dan telah meletakkan wang suapan itu ke dalam buku berkenaan atas arahan perayu kedua. Dalam keadaan ini dan menurut bukti yang ada dihadapan saya, saya bersependapat dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa SP1 bukan seorang rakan sejenayah. SP1 tidak mengambil bahagian secara aktif dan beliau tidak pernah mencadangkan kepada kedua-dua perayu bahawa beliau bersedia memberi suapan bagi mengelak tindakan kesalahan lalulintas diambil terhadapnya. Beliau hanya merayu kepada kepada kedua-dua perayu. Tindakan beliau memberi wang berkenaan adalah selaku saksi perangkap.

Di dalam kes *Mohamed Taufik v. PP* [1975] 1 MLJ 36, suatu kes mengenai kesalahan menerima suapan di bawah s. 4(a) Akta, Mahkamah telah memutuskan seorang yang tidak mengambil peranan yang aktif di dalam sesuatu transaksi suapan bukan rakan sejenayah dan walau bagaimanapun s. 18 telah memperuntukkan tiada saksi boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata oleh sebab apa-apa pembayaran atau penyerahan olehnya atau bagi pihaknya apa-apa suapan kepada seseorang agen atau anggota sesuatu badan awam.

Walaupun saya berpendapat bahawa SP1 bukan seorang rakan sejenayah bukti kes pendakwaan menunjukkan dengan jelas bahawa keterangan SP1 disokong oleh keterangan SP8 yang telah berlagak sebagai abang angkatnya. SP8 telah menyaksikan transaksi suapan dan pemeriksaan balas oleh pihak perayu tidak berjaya melemahkan keterangannya. Seperti diputuskan di dalam kes *Ng Kok Lian v. PP* [1983] 2 MLJ 379 di m.s. 382:

> It is for this reason, we think, that Syed Sheh Barakbah J. thought it made no difference whether the witness is the receiver or the payer; the central question being always

whether he is an accomplice, irrespective of the part he played in the transaction. The Court must therefore approach his evidence in the same way and not come to an automatic conclusion as in *Haji Ismail's* case *(supra)* that he is an accomplice just because Counsel said so.

There can be no rule of law or evidence that a witness is automatically an accomplice just because of his *actus reus*. The whole idea is completely contrary to the basic concept of criminal liability.

Keterangan bahawa kedua-dua perayu telah meminta dan menerima suapan juga telah disokong oleh keterangan SP4 dan SP9 apabila wang perangkap berjumlah RM20 dikesan di dalam buku berkenaan. Pada kesimpulannya adalah jelas keterangan SP4, SP8 dan SP9 menyokong keterangan SP1 dan menepati prinsip undang-undang di dalam kes *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658 yang dirujuk di dalam kes *Gan Leong Gee & Anor. v. PP* [1969] 2 MLJ 76, di m.s. 79:

For it is abundantly clear that the principle of law laid down in *Baskerville's* case is that 'the evidence in corroboration must be independent testimony which affects the accused by connecting or tending to connect the accsued with the crime. In other words it must be evidence which implicates him, that is, which confirms in some material particular not only that the crime has been committed but also that the prisoner committed it'.

Di dalam kes *Ramly bin Md. Yasin & Ors. v. PP* [1982] CLJ 200, iaitu suatu kes rasuah yang melibat wang perangkap, Mahkamah telah memutuskan:

The discoveries of the marked notes from each of the appellants are independent corroborative evidence which led to one and only irresistable conclusion that the appellants received the money from PW12. The presumption under s. 14 of the Act that the gratification is deemed to have been given and received by the appellants corruptly as an inducement or reward, arises.

Pada kesimpulannya saya tidak bersetuju dengan hujah Peguam pihak perayu bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan meskipun begitu keterangannya telah disokong oleh SP4, SP8 dan SP9. Peguam pihak perayu telah juga menghujah bahawa keterangan SP1 menyangkal keterangan SP8. Saya telah memberi perhatian dengan teperinci kepada keterangan kedua-dua saksi ini dan berpendapat sangkalan yang didapati adalah kecil. Keterangan yang penting adalah kedua-dua SP1 dan SP8 telah menyatakan kedua-dua perayu bersetuju menerima suapan bagi menyelesaikan kesalahan lalulintas itu.

(3) Akhirnya Peguam pihak perayu menghujah kes pendakwaan gagal membuktikan unsur bahawa suapan telah diterima kerana wang RM20 berkenaan telah dijumpa di dalam buku dan oleh itu anggapan statutori di bawah s. 14 Akta tidak timbul.

Saya berpendapat bahawa alasan ini tidak mempunyai merit. Akta tidak memperuntukkan bahawa suapan mesti dijumpa atas badan pihak tertuduh. Isu yang penting ialah sama ada bukti menunjuk pihak perayu telah menerima suapan itu, misalnya, di dalam kes *Attan bin Abdul Ghani v. PP* [1970] 2 MLJ 143 wang perangkap telah dijumpa di dalam longkang dan di dalam kes *Gurbachan Singh v. PP* [1966] 2 MLJ 125 wang perangkap telah atas arahan tertuduh diletak di tepi tingkap rumahnya dan kemudiannya telah dijumpa oleh pihak BPR di dalam laci meja berhias di kamar tidur tertuduh. Dalam kedua-dua kes ini Mahkamah memutuskan unsur penerimaan telah dibuktikan walaupun duit perangkap tidak dijumpa atas badan tertuduh.

Dalam kes ini keterangan SP1 dan SP8 dengan jelas menunjukhan bahawa kedua-dua perayu bersetuju menerima suapan dan telah mengarahkan SP1 meletakkan wang itu ke dalam buku yang berada di atas motosikal milik perayu kedua. Pemeriksaan balas ke atas kedua-dua saksi ini tidak dapat melemahkan keterangan ini dan oleh itu saya berpendapat pertikaian pihak perayu mengenai perkara ini tidak berasas.

Pada keseluruhannya saya mendapati pihak perayu tidak dapat menunjukkan bahawa keputusan Hakim Mahkamah Sesyen adalah salah dari segi undang-undang atau bertentangan dengan keterangan yang telah diberi dan oleh itu rayuan kedua-dua perayu ditolak.